UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# GERAK CARA
# AMANAT REKTOR TAHUN 2025

## SUDUT LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT (LCE), AZKA-PPZ

**9.30pagi**
**5 FEBRUARI 2025**
**(RABU)**

**TEMA PAKAIAN:**
**BAJU KORPORAT UiTM**
**TUDUNG DARK BLUE**

**Disediakan oleh:**
Unit Komunikasi Korporat

| | **PERSIAPAN TEMPAT DAN SESI RAPTAI<br>4 FEBRUARI 2025 (SELASA)** | **TINDAKAN** |
|---|---|---|
| 9.00 pagi sehingga selesai | • Persiapan tempat / hiasan dewan.<br>• *Bump-in* barang-barang keperluan dewan. | Jawatankuasa yang terlibat. |
| 11.00 pagi | **Sesi raptai penuh Majlis Amanat Rektor 2025.**<br>• Sesi raptai dimulakan daripada ketibaan tetamu jemputan hingga majlis selesai.<br>• Sesi raptai ini dihadiri oleh semua ahli jawatankuasa. | Semua Ahli Jawatankuasa |

| 1 | KETIBAAN URUS SETIA / PETUGAS | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 8:30 pagi | Semua pegawai dan petugas berada Sudut Library Community Engagement (LCE), AZKA-PPZ dan bersedia dengan stesen kerja masing-masing.<br><br>• Semak barang keperluan:<br>➢ Tagging kerusi VIP<br>➢ Audio Visual (Mikrofon, PA System, LCD skrin, projector, video lagu Negaraku, Wawasan Setia Warga UiTM, video pencapaian 2024<br>➢ Stand & QR pendaftaran warga<br>➢ Pendaftaran + kod QR (printed)<br>➢ Slaid Amanat Rektor<br>➢ Teks amanat / salutasi<br>➢ Air mineral & goblet<br>➢ Gimik pelancaran sambutan 50 tahun : easel stand, poster takwim, kain hitam<br>➢ Medsoc: placard | Semua Jawatankuasa |
| | Tagging tempat duduk JKEN disemak dan disediakan mengikut senarai terkini tetamu jemputan VIP. | Roziani |
| **2** | **KETIBAAN DAN PENDAFTARAN** | **TINDAKAN** |
| 9:15 pagi | Ketibaan tetamu jemputan disambut dan dipersilakan masuk ke dalam dewan.<br><br>• Jawatankuasa Eksekutif Negeri<br>• KPP/KP/Pentadbir Akademik<br>• Majlis Perwakilan Pelajar<br><br>*Nota:*<br>- *Tetamu jemputan dipersilakan ke tempat duduk. Penuhkan bahagian hadapan dahulu.*<br><br>- *Muzik iringan dimainkan dan tayangan video sebelum majlis bermula.* | Noraida/ Mahirah<br><br><br><br><br><br><br><br><br>Darmizi |

| **3** | **PEMAKLUMAN ADAB MAJLIS** | **TINDAKAN** |
|---|---|---|
| 9.40 pagi | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA,**<br><br>**PARA HADIRIN YANG DIHORMATI,**<br>**MAJLIS AMANAT REKTOR AKAN BERMULA SEBENTAR LAGI, DIMOHON PARA HADIRIN UNTUK MENGAMBIL TEMPAT DUDUK MASING-MASING.**<br><br>**BAGI MELANCARKAN PERJALANAN MAJLIS, MOHON KERJASAMA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK:**<br><br>- **MEMATIKAN TELEFON BIMBIT ATAU MENETAPKANNYA KEPADA MOD SENYAP**<br>- **TIDAK MEMBAWA MAKANAN DAN MINUMAN KE DALAM PERPUSTAKAAN**<br>- **TIDAK MENINGGALKAN DEWAN SEHINGGA MAJLIS SELESAI.**<br>- **BERDIRI SEWAKTU KETIBAAN REKTOR MASUK KE DALAM DEWAN.**<br><br>**BAGI WARGA YANG SEDANG MENYAKSIKAN SECARA LANGSUNG MENERUSI SALURAN YOUTUBE RASMI, STUDIO UiTM TERENGGANU, TUAN-TUAN & PUAN-PUAN BOLEH DAFTAR KEHADIRAN MELALUI PAUTAN YANG TERTERA DI RUANGAN KOMEN SEBELUM PROGRAM BERAKHIR.** | Dr. Talmizie |
| **4** | **KETIBAAN REKTOR** | **TINDAKAN** |
| 9:50 pagi | Ketibaan Rektor, disambut dan dipersilakan masuk ke dalam dewan. | Arma |
| | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**HADIRIN SEKALIAN,**<br><br>**IKUTI MEDIA RASMI UiTM CAWANGAN TERENGGANU DAN MEDIA-MEDIA RASMI UiTM UNTUK MENDAPATKAN INFO TERKINI DAN SAHIH!** | Dr. Talmizie |

| | | |
|---|---|---|
| | **LAYARI FACEBOOK, INSTAGRAM, LAMAN X DAN TIKTOK UiTM TERENGGANU.**<br><br>**JANGAN LUPA GUNAKAN #UiTMTERENGGANU #UiTMDIHATIKU DI SETIAP POSTING ANDA!** | |
| **5** | **MAJLIS BERMULA** | **TINDAKAN** |
| 10:00 pagi | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**MENGUMUMKAN KETIBAAN YANG BERUSAHA DR. ERMEEY ABD. KADIR MASUK KE DALAM DEWAN.**<br><br>**HADIRIN DIPERSILAKAN BERDIRI.**<br><br>*Nota:*<br><br>- *YDP MPP memakai headworn untuk bacaan ikrar.* | Dr. Talmizie<br><br><br><br><br><br><br><br>Harshani/Darmizi |
| | Sebaik sahaja Rektor sampai di tempat duduk,<br><br>Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"PARA HADIRIN DIMINTA KEKAL BERDIRI UNTUK MENYANYIKAN LAGU NEGARAKU, WAWASAN SETIA WARGA UiTM DAN BACAAN LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA."**<br><br>*** VIDEO LAGU NEGARAKU DAN WAWASAN SETIA WARGA UiTM***<br><br>Selepas selesai nyanyian lagu Negaraku dan Wawasan Setia Warga UiTM, NYDP MPP keluar dari tepi pentas dan membaca ikrar.<br><br>*** BACAAN IKRAR RUKUN NEGARA ***<br>Di skrin dipaparkan skrip slide<br><br>Selepas selesai bacaan Ikrar Rukun Negara, Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"HADIRIN DIPERSILAKAN DUDUK.**<br><br>**UNTUK MAKLUMAN, LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA SEBENTAR TADI DIPIMPIN OLEH SAUDARA MUHAMMAD AFIQ DANISH BIN MOHD ZAIDI, NAIB YANG DIPERTUA MAJLIS** | <br><br>Dr. Talmizie<br><br><br><br>Darmizi<br><br><br><br>Afiq MPP<br>Darmizi<br><br>Pengacara Majlis |

| | | |
|---|---|---|
| | **PERWAKILAN PELAJAR UiTM CAWANGAN TERENGGANU SESI 2024/2025."**<br><br>*Nota:*<br>- *MPP kembali ke belakang pentas.* | <br><br><br>Afiq MPP |

| 6 | ALUAN PENGACARA MAJLIS | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 10:15 pagi | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA MADANI.**<br><br>**YANG BERUSAHA DR. ERMEEY ABD. KADIR**<br>**REKTOR UiTM CAWANGAN TERENGGANU**<br><br>**YANG BERUSAHA PROF. MADYA Ts. DR. SARIFAH FAUZIAH SYED DRAMAN**<br>**TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR**<br><br>**YANG BERUSAHA DR. BAKTIAR MUSA**<br>**TIMBALAN REKTOR PENYELIDIKAN DAN JARINGAN INDUSTRI**<br><br>**PENOLONG-PENOLONG REKTOR KAMPUS KUALA TERENGGANU DAN KAMPUS BUKIT BESI**<br><br>**KETUA-KETUA BAHAGIAN DAN UNIT**<br><br>**KETUA-KETUA PUSAT PENGAJIAN DAN KOORDINATOR PROGRAM**<br><br>**SERTA SELURUH WARGA UiTM**<br><br>**ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT, KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIANYA, DAPAT KITA BERHIMPUN PADA PAGI INI BAGI MENGHAYATI ASPIRASI DAN HALA TUJU UiTM CAWANGAN TERENGGANU BAGI TAHUN 2025.**<br><br>**SELAMAT DATANG KE MAJLIS AMANAT REKTOR TAHUN 2025!**<br><br>**UNTUK MAKLUMAN PARA HADIRIN,** | Dr. Talmizie |

| | | |
|---|---|---|
| | **MAJLIS INI JUGA DISIARKAN SECARA LANGSUNG MENERUSI YOUTUBE RASMI, STUDIO UiTM TERENGGANU.** | |
| **7** | **BACAAN DOA** | **TINDAKAN** |
| 10:25 pagi | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"BAGI MEMBERKATI MAJLIS PADA PAGI INI, DIJEMPUT AL-FADHIL USTAZ ROSMAT RABU UNTUK MEMIMPIN BACAAN DOA."**<br><br>Pembaca doa mengambil tempat di rostrum.<br><br>*** BACAAN DOA ***<br><br>Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"AMIN AMIN YA RABBAL ALAMIN. TERIMA KASIH AL-FADHIL USTAZ DI ATAS PIMPINAN BACAAN DOA SEBENTAR TADI."** | Dr. Talmizie<br><br><br><br><br>Ustaz Rosmat<br><br><br><br>Dr. Talmizie |
| **8** | **BACAAN AYAT AL-QURAN** | **TINDAKAN** |
| 9:30 pagi | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"BACAAN AYAT SUCI AL-QURAN DARI SURAH AN-NISA' DARI AYAT 58 HINGGA 69 OLEH USTAZ MUHAMMAD ZARIF HAZIM CHE YUSMADI. DIPERSILAKAN."**<br><br>Pembaca ayat suci Al-Quran mengambil tempat di rostrum.<br><br>*** BACAAN AYAT SUCI AL-QURAN<br><br>*Nota:*<br>- *Tayangan ayat Al-Quran dipaparkan di layar skrin.*<br><br>**"DEMIKIAN TADI BACAAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN NUL-QAREM YANG TELAH DIPERDENGARKAN OLEH USTAZ MUHAMMAD ZARIF HAZIM CHE YUSMADI, PEGAWAI EKSEKUTIF (HAL EHWAL ISLAM) UiTM KAMPUS BUKIT BESI".** | Dr. Talmizie<br><br><br><br><br>Zariff<br><br><br><br><br>Darmizi |

| 9 | KOMPILASI PENCAPAIAN 2025 | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 9:40 pagi | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"HADIRIN SEKALIAN,**<br><br>**DALAM MENCAPAI GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY (GRU) ATAU UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA, UiTM CAWANGAN TERENGGANU TELAH MENCAPAI PELBAGAI KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN SEPANJANG TAHUN 2024.**<br><br>**DALAM MENDUKUNG ASPIRASI GRU, UiTM CAWANGAN TERENGGANU TERUS MEMAINKAN PERANAN PENTING UNTUK MENJUARAI PEMBANGUNAN BUMIPUTERA PROFESIONAL YANG TANGKAS, MENERUSI KURIKULUM TERKEHADAPAN DAN PENYELIDIKAN BERIMPAK, BERSAMA NILAI-NILAI KECEMERLANGAN, SINERGI DAN INTEGRITI.**<br><br>**SEBELUM KITA KE AGENDA UTAMA, MARI SAMA-SAMA KITA SAKSIKAN TAYANGAN VIDEO KHAS KOMPILASI PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU SEPANJANG TAHUN 2024.**<br><br>*** TAYANGAN VIDEO KEJAYAAN 2024 ***<br><br>*Nota:*<br>- *JK Teknikal bersedia untuk lighting di atas pentas.*<br>- *Rostrum, stand microphone dan side table perlu di bawa ke tengah pentas semasa tayangan video dimainkan.*<br><br>Selepas tayangan video selesai, Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"BERIKAN TEPUKAN YANG GEMURUH UNTUK SEMUA PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN UiTM TERENGGANU BAGI TAHUN 2024! TAHNIAH DAN SYABAS DIUCAPKAN KEPADA KITA SEMUA!**<br><br>**PENCAPAIAN INI MEMBUKTIKAN KOMITMEN DAN SEMANGAT KEBERSAMAAN SEMUA WARGA DALAM MEMASTIKAN VISI DAN MISI UiTM DITERUSKAN, TANPA MELUPAKAN TUJUAN ASAL PENUBUHAN UNIVERSITI KERAMAT INI!"** | Dr. Talmizie<br><br>Darmizi<br><br>Jim<br><br>Jim/Zaidi<br><br>Dr. Talmizie |

| 10 | AMANAT REKTOR 2025 | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"HADIRIN SEKALIAN,**<br><br>**MENGAMBIL PETIKAN AYAT YANG BERBAHAGIA DATUK NAIB CANSELOR SEMASA AMANAT NAIB CANSELOR 2024,:**<br><br>**"IT IS NOT ABOUT ME, IT IS ABOUT WE."**<br><br>**KATA-KATA INI ADALAH REFLEKSI KEPADA SEMANGAT KEBERSAMAAN DALAM MENCORAK LANGKAH, DIMANA KITA SEBAGAI WARGA UiTM TERUS BERGERAK KE HADAPAN DAN MEMBAWA UiTM KE ARAH MENJADI SEBUAH UNIVERSITI YANG "GAH DI MATA DUNIA."**<br><br>**TANPA MELENGAHKAN MASA LAGI, MAJLIS DITERUSKAN KE AGENDA UTAMA. DENGAN PENUH HORMATNYA, MAJLIS DENGAN INI MENJEMPUT YANG BERUSAHA DR. ERMEEY ABD. KADIR, REKTOR UiTM CAWANGAN TERENGGANU UNTUK MENYAMPAIKAN AMANAT BAGI TAHUN 2025. DIPERSILAKAN.**<br><br>*** AMANAT REKTOR 2025 *** | Pengacara Majlis |
| | *Nota:*<br>- *Usherer iring Rektor ke pentas.* | Roziani |
| | - *Muzik iringan dimainkan semasa Rektor menuju ke pentas.* | Darmizi |
| | - *Pegawai yang mengawal slaid dalam keadaan bersedia. Slaid amanat dipaparkan di skrin dan control slide mengikut ucapan/amanat Rektor.* | Yuzliana/ Darmizi |
| | xxxxxxxx Sesi Amanat Rektor 2025 xxxxxxx | |

| | | |
|---|---|---|
| | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA YANG BERUSAHA DR. ERMEEY ABD. KADIR, REKTOR UiTM CAWANGAN TERENGGANU ATAS PENYAMPAIAN ASPIRASI DAN HALA TUJU UiTM CAWANGAN TERENGGANU YANG PENUH BERMAKNA.**<br><br>**DIMINTA REKTOR UNTUK KEKAL DI ATAS PENTAS BAGI ACARA SETERUSNYA"**<br><br>*Nota:*<br>- *Rektor diiring ke tengah pentas.* | Dr. Talmizie |

| 11 | PELANCARAN SAMBUTAN 50 TAHUN | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"HADIRIN SEKALIAN,**<br><br>**SETERUSNYA, KITA KE ACARA PELANCARAN SAMBUTAN 50 TAHUN UiTM CAWANGAN TERENGGANU. MAJLIS MEMPERSILAKAN REKTOR BAGI MENYEMPURNAKAN PELANCARAN TERSEBUT. DIPERSILAKAN."** | Dr. Talmizie |
| | Rektor mengangkat kain yang ditutup pada easel stand dan usherer menyediakan dulang kosong bagi Rektor meletakkan kain gimik pelancaran.<br><br>** gimik pelancaran ** | Harshani |
| | Selesai gimik, usherer mengiringi Rektor turun semula pentas. | Roziani |
| | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**TERIMA KASIH REKTOR, UNTUK MAKLUMAN WARGA, DI POSTER TERSEBUT TERTERA TAKWIM PROGRAM YANG DIRANCANG SEPANJANG TAHUN INI BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN 50 TAHUN UiTM CAWANGAN TERENGGANU."** | Dr. Talmizie |
| **12** | **PENUTUPAN MAJLIS** | **TINDAKAN** |
| | Pengacara Majlis mengumumkan:<br><br>**"HADIRIN SEKALIAN,**<br><br>**KITA TELAH SAMPAI KE PENGHUJUNG MAJLIS, SEKALI LAGI MAJLIS MERAKAMKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA REKTOR UiTM CAWANGAN ATAS PENYAMPAIAN AMANAT, HASRAT DAN HALA TUJU UNIVERSITI BAGI TAHUN 2025.**<br><br>**SEMOGA TAHUN 2025 INI MENJADI TAHUN TERBAIK UNTUK KITA SEMUA DALAM MEMASTIKAN SEGALA PERANCANGAN DAN MATLAMAT UNIVERSITI DAPAT KITA CAPAI DENGAN TERBAIK DAN CEMERLANG.**<br><br>**SEBELUM MAJLIS MELABUHKAN TIRAINYA, KAMI INGIN MERAKAMKAN GAMBAR KENANG-KENANGAN.** | Dr. Talmizie |

| | | |
|---|---|---|
| | ** SESI FOTOGRAFI – Jurufoto berada di atas pentas **<br><br>*Nota:*<br><br>- *Pengacara Majlis bagi cue untuk formal, free style semasa sesi fotografi.*<br>- *Team Teknikal mainkan muzik iringan keluar.*<br><br>**DIMOHON PARA HADIRIN UNTUK MENGIMBAS KOD QR DI LAYAR SKRIN UNTUK TUJUAN JAM LATIHAN.**<br><br>**SEKIAN,**<br>**WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAH**<br>**WASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAH HIWABARAKATUH."**<br><br>(Link jam latihan diletakkan di dalam komen - YouTube)<br><br>*** YOUTUBE DITAMATKAN *** | Jurufoto<br><br>Dr. Talmizie<br><br>Tayangan kod QR jam latihan/ Roziani<br><br>Darmizi |

| **Disediakan oleh:** |
|---|
| Unit Komunikasi Korporat<br>UiTM Cawangan Terengganu |
| ***Event Manager:*** |
| Arma Mohd Faizal bin Abu Bakar<br>Unit Komunikasi Korporat<br>UiTM Cawangan Terengganu |